

Campur kokain dalam barangan dagangan

22 September 2019



ANGGOTA polis mengawal dadah jenis kokain dicampur dengan arang batu bernilai RM2.4 bilion yang dibawa masuk menerusi Pelabuhan Kargo, Butterworth pada 10 September lalu. - IHSAN THE STAR

## Kaedah terbaharu digunakan sindiket dadah antarabangsa

# Campur kokain dalam barangan dagangan

Oleh MASZUREEN HADZMAN  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 SEPT.

**P**ELBAGAI taktik yang selalu digunakan sindiket pengedaran dadah antarabangsa untuk menyeludup masuk bahan terlarang itu ke negara ini seperti menyembunyikan dalam bungkusan makanan bijirin atau teh hijau.

Namun, sejak kebelakangan ini, sindiket kini semakin kreatif dan berani apabila mula menggunakan bahan kimia untuk dicampurkan dadah dengan barangan dagangan biasa sebelum dieksport ke negara ketiga.

Kaedah ini akhirnya terbongkar, selepas Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjaya merampas 60 guni arang batu yang mengandungi kokain sebelum sempat barangan itu dieksport ke negara ketiga.

Memandangkan negara ini tidak mempunyai teknologi canggih bagi mengesan kandungan dadah di dalam barangan dagangan tersebut menyebabkan kesukaran pihak berkuasa untuk memantau jenayah ini. Ini kerana, sindiket bukan sahaja menggunakan arang batu untuk mengaburi mata pihak berkuasa malah dibimbangi

Penyeludupan dadah kokain menggunakan arang batu merupakan satu kaedah baharu yang tidak pernah dikesan PDRM sebelum ini.

SUMBER

juga mereka akan menggunakan kaedah sama menyeludup dadah menggunakan barangan dagangan lain seperti palet kayu dan logam.

Sementara itu, sumber ketika dihubungi memberitahu, penyeludupan dadah kokain menggunakan arang batu merupakan satu kaedah baharu yang tidak pernah dikesan PDRM sebelum ini.

Dalam pasaran antarabangsa, dadah jenis ini dikenali sebagai 'kokain hitam'.

Sumber itu menambah, hasil siasatan awal, pihaknya tidak menolak kemungkinan arang batu dan kokain yang dirampas telah melalui proses kimia di negara pengeluar dipercayai

dari Amerika Latin sebelum barangan itu dieksport ke negara ini untuk dihantar ke negara ketiga.

Barangan yang mengandungi kokain berkenaan kemudiannya diseludup keluar ke negara seperti China dan Australia sebelum rangkaian sindiket yang berada di sana akan melakukan proses pengasingan bagi mendapatkan kokain sebelum dijual ke pasaran mereka.

"Setakat ini, tiada penggunaan dadah kokain dikesan di sini memandangkan harga dadah ini yang mahal dan sukar diperolehi," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam akhbar melaporkan, dadah jenis kokain seberat 12 tan bernilai RM2.4 bilion yang dibawa masuk menerusi pelabuhan kargo Butterworth, Pulau Pinang pada 10 September lalu berjaya dirampas oleh PDRM.

Dadah itu dikesan cuba dibawa masuk dengan dicampurkan bersama 60 guni arang batu seberat satu tan oleh satu sindiket antarabangsa dipercayai dari Amerika Selatan menggunakan tiga buah kontena yang menjadikan negara ini sebagai transit sebelum dihantar ke negara lain.